Written by Suliani Sedik
Friday, 17 May 2013 11:52 - Last Updated Tuesday, 21 May 2013 09:53

**Bandar Sierra, 17 Mei** – Sempena cuti pertengahan tahun yang akan bermula 24 Mei depan, SRI Al-Hafidz akan mengadakan Kem Smart Tahfidz buat kali ke-8 bertempat di Permai D’Valley




Ratau, Tebobon.

Menurut Pengarah KST 8, Ustaz Sabahrullah Ishak, KST kali ini berbeza dengan KST yang lepas, kerana kita ingin membuat kelainan.

“ Bagi menarik minat peserta KST dan mampu mengelak peserta merasa bosan, kita telah merancang untuk tinggal di Permai D’Valley selama 2 hari 1 malam”. Katanya.

Ujarnya, kita telah merombak semula pengisian program dengan menambah aktiviti luar supaya peserta mempunyai kemahiran berfikir yang luas.

Namun katanya, kita masih mengekalkan focus utama iaitu melatih peserta untuk menghafal surah-surah dalam Juz Amma dan membetulkan tajwid.

Ujarnya, program ini diadakan untuk mengisi masa lapang anak-anak ketika cuti sekolah.

Jelas beliau, pelajar kini, perlu diimbangi dengan dalam urusan dunia dan akhirat agar bila besar nanti mampu menghindar kemungkaran dan mendekatkan diri kea rah kebaikan.

" Program ini juga bertujuan untuk mengisi masa cuti sekolah dengan mempelajari ilmu agama dan bersosial sesama kawan-kawan seprogram di dalam satu kelompok terkawal yang berunsurkan islam". Katanya ketika ditemui.

Selain itu, program ini juga dapat mentarbiahkan anak-anak dengan pendidikan yang berkonsepkan pelajaran agama bagi menyediakan mereka untuk memasuki pintu kedewasaan.

Sehubungan itu, beliau berharap agar ibubapa yang berminat boleh menghubungi Cik Jaipah Dasin di talian 088-473978 atau datang terus ke SRI Al-Hafidz.

Menurut beliau tempat terhad kepada 100 orang sahaja dan yuran untuk pelajar luar RM80 dan untuk pelajar SRI Al-Hafidz RM60 Terbuka kepada pelajar 7-12 tahun.

Marilah kita menambahkan akaun akhirat dengan memberi sumbangan bagi menjayakan dan mempertingkatkan SRI Al-Hafidz. Sebarang sumbangan untuk SRI Al-Hafidz boleh dihulur ke akaun atas nama sekolah agama rakyat Al-Hafidz melalui:

i)Bank Islam No Akaun 100 160 100 782 10

ii)Maybank Islamik No Akaun 560 214 005 477

iii)Bank Muamalat        No Akaun 1001-0002266-71-8